

MENDEKATI PELATIH OKU

Penuntut UPM, Kyutech jalin kerjasama anjurkan ROCK@InSEP



Redzuan Muharam
gen.y@hmetro.com.my

Penyertaan anak muda dalam aktiviti sukarelawan bukan lagi asing malah semakin ramai aktif mengambil bahagian sama ada dianjurkan persatuan dan pengurusan di dalam kampus atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO).


Keprihatinan mereka juga dapat dilihat menerusi penganjuran program lengkap dengan penyampaian sumbangan kepada yang memerlukan tanpa mengira kaum, agama, adat maupun budaya.

Lebih membanggakan, ada di antara mereka yang sanggup ke kawasan

pedalaman atau lokasi bencana di luar negara demi menyampaikan bantuan kepada mangsa dan golongan sasar.

Menyedari usaha dilakukan rakan sebaya, sekumpulan 40 belia dari Kolej 13 Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kyushu Institute of Technology (Kyutech) Jepun berganding bahu menjayakan acara turun padang mendekati komuniti sempena Program Pertukaran Antarabangsa 2018 (ROCK@InSEP), baru-baru ini.

Pegawai Pemantau Program merangkap Felo Kolej 13 Mohamad Azren Putra Mat Desa berkata, program itu julung kali diadakan dengan kerjasama Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Seri Perdana, Alor Gajah, Melaka.



PROGRAM ROCK@InSEP beri peluang mahasiswa berkongsi kemahiran.



SUKARELAWAN dan pelatih OKU PPDK Seri Perdana melakukan aktiviti berkebun bersama.

Menurut Mohamad Azren, matlamatnya adalah untuk memberi peluang kepada mahasiswa menyertai aktiviti sukarelawan sekali gus melihat realiti sebenar kehidupan masyarakat terutama komuniti orang

kurang upaya (OKU)

"Program ini terbahagi kepada dua iaitu aktiviti berkebun membabitkan sukarelawan dan pelatih OKU di luar bengkel kemahiran menjahit serta terapi motor halus iaitu membuat origami di dalam bilik darjah.

"Menariknya, pelatih terbabit bukan setakat turut serta dalam aktiviti diadakan tetapi berkongsi kemahiran dipelajari sepanjang di PPDK dengan sukarelawan terbabit.

"Selain itu, mereka turut menunjukkan kebolehan bermain alat muzik di hadapan semua sukarelawan," katanya.

Sementara itu, penuntut Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Nur Farahani Mohd Anuar, 19, berkata, dia pernah menyertai beberapa program sukarelawan sebelum ini dan kebanyakannya membabitkan aktiviti kunjungan ke rumah

anak yatim.

Namun, katanya, penyertaan dalam program berkenaan memberinya pengalaman baru kerana berpeluang melihat lebih dekat rutin pelatih OKU selain melakukan aktiviti bersama mereka.

Menerusnya, dia dapat memahami karakter OKU dan mempelajari cara untuk berkomunikasi dengan mereka.

"Bagi saya, OKU sama seperti individu lain yang berhak mendapat layanan dan perhatian daripada masyarakat.

"Malah, di sebalik kekurangan, mereka mempunyai keistimewaan tersendiri yang mungkin tidak ada pada individu lain."

"Cuma, masyarakat perlu memainkan peranan dengan mendekati komuniti OKU salah satunya menerusi program sebegini supaya mereka rasa dihargai dan tidak tersisih," katanya.



SUKARELAWAN bersama pelatih PPDK Seri Perdana selepas tamat program.